

## KURSUS SAH JAWATAN BAGI STAF AKADEMIK

### 1) Berapakah kursus yang perlu diikuti bagi sah jawatan?

Tiga kursus yang wajib diikuti, iaitu:

- Program Transformasi Minda (PTM)
- GGGW8431 Pemantapan Penerbitan dan Penyelidikan; dan
- GGGW84j2 Pengajaran dan Pembelajaran Di IPT.

### 2) Apakah kod kursus yang ditawarkan di dalam eSPeL bagi kursus sah jawatan staf akademik?

- GGGW8431 Pemantapan Penerbitan dan Penyelidikan; dan
- GGGW84j2 Pengajaran dan Pembelajaran Di IPT.

### 3) Jika tidak hadir beberapa slot, adakah saya layak mendapat sijil?

- Sijil layak diberikan **hanya** sekiranya penyertaan mencapai sekurang-kurangnya **80%**.

### 4) Adakah saya dikehendaki mengulang semua modul jika saya hanya hadir bagi topik tertentu sahaja?

- Anda perlu ulang topik yang anda tidak hadir sahaja.
- Contoh: Kursus Pengajaran dan Pembelajaran di IPT

Bil	TOPIK	KEHADIRAN	CATATAN
1	Psikologi Pendidikan	Hadir	Tidak perlu ulang
2	Kaedah-Kaedah Pengajaran	Hadir	Tidak perlu ulang

5)

5) Saya telah mengikuti kursus tersebut sebelum ini, adakah sijil tersebut sah digunakan?

- Sijil kursus diikuti selepas **April 2009** sahaja yang sah digunakan untuk pengesahan jawatan.

6) Berapa kali kursus ini ditawarkan?

- Kursus ini ditawarkan **dua kali setahun**. Penawaran tambahan hanya dibuat mengikut keperluan dan atas budi bicara pihak pengurusan Profesional-UKM.

7) Adakah saya perlu memohon untuk menghadiri kursus ini atau saya akan ditawarkan tempat?

- Urusetia tidak menawarkan kepada kakitangan sebaliknya peserta dikehendaki memohon melalui laman sesawang [www.ukm.my/espel](http://www.ukm.my/espel)

8) Jika saya gagal topik dalam Pengajaran Mikro, adakah saya dikehendaki mengambil kursus semula atau mengambil Pengajaran Mikro sahaja?

- Anda dikehendaki mengambil topik Pengajaran Mikro sahaja.

9) Saya telah mengambil kursus ini di IPT lain sebelum ini, adakah sijil tersebut boleh diterima untuk pengesahan jawatan?

- Anda mestilah menghantar sijil bersama huraian modul kursus tersebut untuk tujuan pengecualian dan penyeteraan.

10) Saya telah menghadiri banyak kursus P&P sebelum ini dan telah menerima banyak anugerah berkaitan P&P, adakah saya perlu mengikuti kursus ini?

- Anda perlu menghantar surat rayuan kepada Bahagian Sumber Manusia (untuk perhatian yang bertanggungjawab) beserta bukti-bukti berkaitan untuk tujuan penyetaraan dan pengecualian.

11) Saya masih belum menerima surat lantikan sebagai Pensyarah Tetap, adakah boleh saya menghadiri kursus ini?

- Ya, anda boleh menghadiri kursus tersebut.